

Headline	MHL 2024: TNB tidak boleh cicir mata		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	25 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	231,329	Readership	693,987
Section	Sukan	Page No	47,48
ArticleSize	527 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 75,549		



**NOR SAIFUL ZAINI**

## MHL 2024: TNB tidak boleh cicir mata

**PETALING JAYA:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak boleh kecikiran sebarang mata menuju baki dua lagi perlawanan terakhir Liga Hoki Malaysia (MHL) 2024 seandainya mahu bergelar juara.

Ketika ini, Maybank memintas TNB sebagai pendahulu dengan 23 mata, disusuli Pasukan Hoki Terengganu (THT) dengan 22 mata, Nurinsafi Sporting di tempat ketiga, manakala TNB berada di tangga keempat dengan 20 mata.

Bagaimanapun anak buah Nor Saiful Zaini Nasiruddin masih kekurangan satu perlawanan dan dijangka mengambil alih semula carta liga apabila turun menentang UiTM HA-KPT petang ini.

Perlawanan terakhir mereka adalah pada Selasa depan menentang JM Antsbees, namun kejuaraan liga akan ditentukan menerusi keputusan perlawanan Maybank menentang THT pada hari yang sama.

“Saya tidak meletakkan sebarang harapan besar, kerana kejuaraan liga akan ditentukan oleh Maybank dan THT. Kita harap keputusan berpihak kepada kita nanti.

“Kelebihan yang kita miliki ketika ini adalah dari segi jumlah jaringan (65 gol) dan selebihnya kita perlu menang baki dua perlawanan.

“Kita beraksi kurang baik pada perlawanan pertama liga, kerana ramai pemain baru pulang dari tugas kebangsaan dan belum serasi.” jelas Saiful kepada *Mingguan Malaysia*.

Untuk rekod, kali terakhir TNB bergelar juara liga adalah 11 tahun lalu ketika edisi MHL 2003.

Headline	MHL 2024: TNB tidak boleh cicir mata		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	25 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	231,329	Readership	693,987
Section	Sukan	Page No	47,48
ArticleSize	527 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 75,549		



**Perlu menang**

TENAGA Nasional Berhad (TNB) tidak boleh mencicirkan sebarang mata dalam dua perlawanan terakhir Liga Hoki Malaysia (MHL) 2024 seandainya mahu bergelar juara dan kembali menjadi kuasa besar hoki Malaysia. Dalam perlawanan terakhir khamis lalu, mereka membelasah Kuala Lumpur City 13-0 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil. **(Berita muka 47)**